

21 JAN 2002

Mahathir-Singapura/I

DR MAHATHIR HARAP M'SIA-S'PURA CAPAI PERSETUJUAN AIR SEGERA

PETALING JAYA, 21 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau berharap Malaysia dan Singapura boleh mencapai satu persetujuan mengenai penjualan air kepada republik itu tidak lama lagi.

Walaupun mengakui bahawa tidak banyak kemajuan telah dilakukan terhadap isu itu sejak pertemuannya dengan Menteri Kanan Lee Kuan Yew tahun lepas, beliau berkata beliau tidak menganggap kelewatan itu sebagai satu kebuntuan.

"Mengikut persetujuan itu (perkara dasar) kita harus bersetuju dengan harga baru. Jadi kita belum lagi bersetuju terhadap harga baru itu.

"Ia harus diselesaikan. Lagi lama perjanjian itu ditangguhkan, lagi banyak wang yang rugi," katanya semasa ditanya mengenai perkembangan terbaru isu itu.

Dr Mahathir berkata bahawa semasa beliau berjumpa dengan Lee tahun lepas, kedua-dua mereka tidak mencapai sebarang persetujuan mengenai isu itu.

"Semasa kami berjumpa, kami hanya mencapai persetujuan mengenai perkara dasar...itu saja. Kini terserah kepada para pegawai untuk berbincang mengenainya," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau perlu berpegang kepada syarat tertentu supaya Malaysia tidak kerugian dari segi hasil.

"Singapura tidak akan bersetuju kecuali harga air kompetitif. Kita meminta harga rendah yang amat berpatutan bagi air kita," katanya kepada pemberita selepas melancarkan pusat komuniti Puteri Umno di Taman Seri Manja, di sini.

Beliau berkata Malaysia hanya mengenakan caj tiga sen bagi seribu gelen air mentah kepada republik itu sementara Singapura mengenakan caj 50 sen bagi seribu gelen bagi air yang dirawat yang dijual semula kepada Malaysia.

"Kita juga tahu bahawa Singapura menjual kepada kapal-kapal 1,000 gelen air yang dirawat untuk S\$20. Jadi anda nampak perbezaannya," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau bersedia untuk "bertolak ansur" tetapi tidak akan berkompromi terhadap isu itu.

"Bertolak ansur, ya. Tetapi bukan kompromi. Saya percaya kepada tolak ansur tetapi mereka patut beri sedikit dan kita patut terima sedikit," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia telah menjual air mentah tiga sen untuk seribu gelen sejak bertahun lamanya.

Malaysia kini membekalkan air mentah kepada Singapura mengikut perjanjian yang akan tamat pada 2061. Satu kontrak bekalan baru termasuk dalam pakej isu dua hala yang belum selesai yang sedang dibincangkan antara kedua-dua negara sejak tiga tahun lepas.

-- BERNAMA

RV DC JK RON